

PM gesa segera siasat kes salah guna agama, dera kanak-kanak

Kajang: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan pihak berkuasa, termasuk majlis agama Islam segera menyiasat dan mengambil tindakan berhubung dakwaan berlaku salah laku dalam syarikat amal yang dikaitkan dengan Global Ikhwan Service and Business Holding (GISB).

Bercakap kepada pemberita selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Al-Iman di sini, semalam, Perdana Menteri menegaskan langkah itu penting dan tidak boleh dilengahkan kerana ia membabitkan soal penyalahgunaan kuasa, agama serta penderaan kanak-kanak.

“Biar polis buat siasatan dan tindakan mengikut undang-undang dan pihak majlis agama terutama wilayah (Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan), JAIS (Jabatan Agama Islam Selangor) dan JAKIM (Jabatan Ke-

majuan Islam Malaysia) yang ada kekuatan penyiasatan dan penyelidikan untuk memberikan nasihat.

“Ramai tanya kenapa ada kelewatan, lengah dalam ambil tindakan? Jadi saya sudah bawa kepada badan ini supaya diambil tindakan segera, siasat dan (buat) laporan,” katanya.

Rabu lalu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyerbu 20 rumah amal yang dikaitkan dengan GISB di sekitar Selangor dan Negeri Sembilan dan menyelamatkan 402 kanak-kanak dan remaja berusia setahun dan 17 tahun, disyaki menjadi mangsa eksploitasi, pengabaian dan penganiayaan menerusi Op Global.

Dalam operasi itu, pihak berkuasa turut menahan 171 individu terdiri daripada kakitangan, pengurus dan ustaz di rumah amal berkenaan.



Anwar menyantuni jemaah cilik selepas solat Jumaat di Masjid Al Iman, Kampung Desa Putra, Sungai Merab, Kajang, semalam.
(Foto Ahmad Ukasyah/BH)